

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PENUTUP KONGRES EKONOMI BUMIPUTRA,
DI DEWAN BESAR, UNIVERSITI
TEKNOLOJI, MALAYSIA, KUALA LUMPUR,
PADA HARI AHAD 1HB.JUN, 1980
JAM 3.00 PETANG.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismi llahir-Rahmanir-Rahim.

Yang Berhormat, Encik Ghafar Baba,
Pengerusi Biro Ekonomi UMNO,

YAB, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed,
Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Y. B. Naib-naib Presiden UMNO,

Y. B. Ahli-Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO,

Para Peserta Kongres,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu
Wataala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA,
dapat saya memenuhi permintaan Jawatankuasa

...2/-

2.

Pengelola untuk merasmikan Upacara Penutup Kongeres Ekonomi Bumiputra Tahun 1980, pada petang ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada para peserta dan semua mereka yang turut terlibat dalam menjayakan Kongeres ini. Hasil Kongeres ini telah dikemukakan kepada saya sebentar tadi oleh Encik Ghafar Baba, dalam bentuk resolusi-resolusi yang disusun.

2. Kongeres Ekonomi Bumiputra selama tiga hari yang telah selesai diadakan, adalah amat penting.

...3/-

3.

Kita hanya tinggal 10 tahun, bagi menjayakan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan untuk dicapai menjelang 1990 dalam rangka Dasar Ekonomi Baru. Disamping itu, Kerajaan juga sedang menyediakan Rancangan Malaysia Ke Empat. Ini menjadikan Kongres ini lebih penting. Hasil daripada Kongres ini, akan dapat membantu Kerajaan, untuk menyusun strategi-strategi bagi Rancangan Malaysia Ke Empat.

serta memperhebatkan lagi langkah-langkah menjamin pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

...4/-

3. Saya telah sempat mengikuti perbincangan-perbincangan di beberapa bengkel. Sesungguhnya, saya merasa amat bangga di atas minat, kesungguhan dan sikap berterus-terang para peserta di dalam perbincangan.

4. Daripada pandangan dan pendapat yang telah dilahirkan di dalam Kongres ini, saya dapat memahami perasaan bimbang dan keraguan kaum Bumiputra terhadap keupayaan mereka,serta kemampuan Kerajaan,dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Walaupun kebimbangan ini merupakan satu perasaan, ia perlu diberi

5.

perhatian-kerana kebimbangan kaum Bumiputra
itu mempunyai asas-asas yang menasabah.

5. Kajayaan kaum Bumiputra selama 10
tahun yang lalu, adalah rendah daripada matlamat
yang telah ditetapkan, sedang kejayaan yang
dicapai oleh bukan Bumiputra adalah pesat dan
tinggi. Kesulitan dan masalah yang dihadapi
oleh kaum Bumiputra, dalam memperolehi
kejayaan setakat ini, menjadikan kaum Bumiputra
sangsang di atas pencapaian matlamat sepenuhnya,
oleh kerana cabaran dan masalah yang lebih
besar yang mungkin dihadapinya, dalam masa

10 tahun yang akan datang

6.

5A. Tuntutan-tuntutan yang tidak berpatutan dari pihak bukan Bumiputra, disamping kejayaan itu besar yang telah dicapainya / menambahkan lagi keraguan kaum Bumiputra. Memandangkan kepada keadaan inilah, maka kaum Bumiputra merasakan bahawa masa depan mereka, adalah terancam dan mencemaskan. Perasaan kebimbangan kaum Bumiputra ini, menjadi semakin bertambah, disebabkan keraguan mereka, terhadap keupayaan dan kemampuan jentera pelaksanaan Kerajaan. pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

7.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5B. Dasar Ekonomi Baru, yang bermula pada tahun 1971, adalah berasaskan kepada keinsafan perlunya diwujudkan negara Malaysia yang makmur, adil dan bersatu-pada dengan teras dan asas-asas yang kukuh. Perhatian khusus adalah ditumpukan kepada masalah kemiskinan dan jurang perbezaan kedudukan ekonomi, yang wujud di kalangan berbagai kaum di negara kita. Salah satu matlamat yang penting, di dalam penyusunan semula masyarakat, ialah untuk mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra.

Matlamat ini adalah jelas, dan menjadi tanggungjawab

8.

semua pihak, untuk menjamin pencapaiannya menjelang tahun 1990.

6. Matlamat penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, seperti juga matlamat-matlamat lain Dasar Ekonomi Baru, bukan saja merupakan janji Kerajaan yang tidak dapat tiada misti ditunai dan ditepati, tetapi ia juga merupakan satu amanah. Disamping peranan Kerajaan dan jentera perlaksanaannya, kaum Bumiputra sendiri mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting. Tanpa peranan mereka secara aktif dan bersungguh-sungguh,

...9/-

matlamat ini mungkin tidak dapat dicapai. Demikian juga dengan peranan kaum bukan Bumiputra. Mereka harus faham dan insaf, tentang hakikat matlamat penyertaan Bumiputra, dan kebimbangan kaum Bumiputra, sebagaimana yang telah saya nyatakan mula-mula tadi. Mereka mistilah memberi kerjasama sepenuhnya, dengan jujur dan bersungguh-sungguh, bagi menentukan pencapaian matlamat-matlamat yang telah ditetapkan itu, bagi kepentingan masa depan rakyat dan negara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Di dalam usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra, kaum

10.

Bumiputra sendiri hendaklah menggunakan sepenuhnya
sepenuh , segala peluang dan kemudahan yang terbuka dan disediakan oleh Kerajaan, melalui jentera pelaksanaannya. Bumiputra yang telah mencebur diri di dalam lapangan ekonomi, hendaklah menumpukan sepenuh fikiran, tenaga dan dayausaha,serta menggembeling dan menggunakan segala sumber dan kemampuan yang ada pada mereka, bagi menjamin kemajuan usaha yang mereka jalankan. Disamping itu, mereka juga hendaklah bantu membantu sesama sendiri, supaya mereka dapat sama-sama maju sebagai satu masyarakat atau golongan, dan seterusnya

11.

dapat pula membimbing dan membantu Bumiputra. yang ingin atau baru menceburi diri di dalam dunia perniagaan. Mereka juga hendaklah mengikis sikap semata-mata bergantung kepada Kerajaan; sebaliknya, mereka hendaklah memupuk sikap percaya kepada diri sendiri dan berdikari. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Satu perkara yang penting perlu juga diberi perhatian, dalam proses mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra, ialah keperluan mengadakan etika perniagaan atau 'business ethics'. Etika ini, hendaklah selaras dengan nilai yang dipandang tinggi

12.

oleh masyarakat kita. Sifat tamak-haloba dan mengharapkan kejayaan tanpa berusaha, tidak mempunyai tempatnya di dalam dunia perniagaan yang kita maksudkan. Ini hendaklah digantikan dengan sifat-sifat positif. Etika perniagaan yang sesuai dengan nilai hidup kita, boleh mendorong lebih ramai lagi Bumiputra, untuk menyertai bidang perniagaan. Proses melahirkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra yang utuh, tidak akan mencapai kejayaan yang tulen, sekiranya satu etika perniagaan yang dapat memandu mereka sebagaimana yang saya sentuh tadi,

... 13/-

13.

tidak wujud di kalangan mereka. Saya harap.

pertubuhan dan persatuan perniagaan, perusahaan

atau perindustrian, akan mengambil dayausaha

bagi mewujudkan etika ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Di dalam usaha mewujudkan satu

masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputra,

peranan golongan bukan Bumiputra juga tidak

kurang pentingnya. Kerajaan telah berulang-kali

menegaskan, bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah

untuk faedah dan kebaikan semua rakyat di negara

kita, tidak kira kaum dan asal keturunan mereka.

14.

Sebagaimana yang saya akan jelaskan sebentar nanti, kejayaan yang telah dicapai dalam masa 10 tahun ini, telah membuktikan bahawa golongan bukan Bumiputra telah menikmati faedah yang besar. Pihak bukan Bumiputra hendaklah insaf di atas hakikat ini, dan adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin mereka, untuk memberi gambaran yang sebenarnya, tentang faedah-faedah yang telah dan akan mereka nikmati.


10A. Golongan bukan Bumiputra harus juga faham dan sedar, dengan perasaan kebimbangan kaum Bumiputra terhadap masa depan mereka

... 15/-

15.

dalam bidang ekonomi. Saya telah menjelaskan tadi, sebab-sebab kebimbangan kaum Bumiputra itu. Tuntutan supaya matalamat penyertaan Bumiputra sebanyak 30 peratus, ditambah kepada 51 peratus, sebagaimana yang telah dikemukakan dalam Kongres ini adalah didorongkan diatas perasaan kebimbangan ini. Ia bukanlah didorongkan oleh sikap tamak-haloba.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

11. Saya ingin mengingatkan golongan yang  cuba semangat dan faedah Dasar Ekonomi Baru, supaya menghentikan perbuatan yang boleh

...16/-

16.

membahayakan prospek masa depan negara kita. Kerajaan tidak sanggup melihat Dasar Ekonomi Baru, dijadikan permainan 'politik', yang boleh membangkitkan perasaan benci-membenci antara kaum. Perkara ini jika tidak dikawal akan hanya menimbulkan huru-hara dan kekacauan. Rakyat hendaklah berwaspada, tentang kemungkinan perkara ini, sengaja dibangkit-bangkitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini mungkin iri-hati melihat kejayaan yang telah kita perolehi, keamanan dan kemakmoran yang telah dinikmati oleh rakyat.

17.

12. Kita mesti lebih mengutamakan masa depan negara,serta mementingkan keamanan, kemakmoran dan kebahagiaan rakyat. Dasar Ekonomi Baru,memang telah dirangka dan digubal sedemikian rupa,bagi mencapai perpaduan negara yang berkekalan. Tiap-tiap rakyat mistilah menanyakan diri sendiri, sekiranya huru-hara dan perkara yang tidak di ingini ini berlaku, siapakah yang akan rugi, dan yang akan menanggung akibatnya? Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

13. Di sinubiaryliah saya menggambarkan sedikit sebanyak,pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru setakat ini. Dalam usaha pembasmian kemiskinan,

...18/-

18.

kemajuan yang telah dicapai secara amnya, adalah menggalakkan. Kadar kemiskinan telah berkurangan dari 49.3 peratus pada tahun 1970, kepada 35 peratus pada akhir tahun 1979.

14. Dalam lapangan pekerjaan, tambahan purata pekerjaan tahunan antara 1970 hingga 1980, ialah 4.2 peratus bagi seluruh Malaysia. Pengangguran dikalangan semua kaum telah juga berkurangan.

15. Kemajuan penyebaran pekerjaan, dari segi penyusunan semula masyarakat, adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan Bumiputra

19.

dalam pekerjaan berpendapatan tinggi, masih lagi kecil, Dalam bidang professional, bilangan Bumiputra masih lagi rendah. Dalam tahun 1979, misalnya, kaum Bumiputra hanya merupakan 11 peratus daripada jumlah bilangan akitek, akauntan 7.6 peratus, jurutera 11.6 peratus dan doktor 8.6 peratus.

16. Dalam pemilikan harta, kaum Bumiputra perseorangan dan agensi amanah, hanya memiliki 11 peratus daripada keseluruhan equiti dalam syarikat berhad dalam tahun 1980. Pemilikan bukan Bumiputra dalam bidang ini, adalah jauh lebih tinggi.

20.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Walaupun pencapaian matlamat Dasar Ekonomi

Baru telah menunjukkan kesannya, *tetapi* kejayaan

Bumiputra dalam penyertaan kegiatan ekonomi,

masih belum lagi memuaskan. Kerajaan

sedar dengan kebimbangan kaum Bumiputra.

Kerajaan akan menjalankan dengan sedaya-upayanya,

segala usaha di dalam kemampuannya, bagi memastikan

pencapaian matlamat yang telah ditentukan itu.

Tiap-tiap rakyat, tidak kira kaum, mistilah insaf

akan tanggungjawab ini, lebih-lebih lagi jika mereka

memikirkan kepentingan masa depan negara.

21.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

dapat

18. Kita tidak / menafikan kejayaan yang telah dicapai setakat ini, dalam bidang-bidang tertentu. Salah satu aspek kejayaan yang boleh kita banggakan, ialah bertambahnya kesedaran dan aspirasi kaum Bumiputra, untuk menyertai dalam berbagai kegiatan ekonomi. Ini adalah satu petanda baik. Dalam masa 10 tahun melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita telah memperolehi berbagai pengalaman yang amat berguna. Pengalaman ini akan kita jadikan panduan, bagi kita menilai semula strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, bagi menjamin kejayaannya.

22.

19. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serious terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Berhubung dengan penyelarasan pelaburan, sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam Kongeres, Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, bagi memesat dan meningkatkan lagi pelaburan Bumiputra.

20. Kerajaan sedar.bahawa kejayaan penyertaan kaum Bumiputra dalam kegiatan-kegiatan ekonomi, memerlukan tindakan yang lebih berkesan dari pihak Kerajaan. Rancangan Malaysia ke Empat

23.

akan mengubahsuaikan program-program yang sedia ada,serta mewujudkan program-program baru, bagi menentukan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Jentera pelaksanaan Kerajaan akan digerakkan dengan lebih giat lagi, supaya ia dapat mencapai hasil yang diharapkan.

21. Dengan cabaran-cabaran yang besar,yang dalam
kita akan hadapi/tahun-tahun lapan pulohan, seluruh jentera Kerajaan akan melipat-gandakan usahanya bagi menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru
Tiap-tiap agensi dan jabatan Kerajaan akan menyesuaikan supaya orientasi dan menyusun semula strategi ia dapat menjalankan tanggungjawab - nya dengan lebih berkesan lagi.

24.

22. Prosedur-prosedur yang usang, atau tradisi-tradisi lama yang tidak sesuai lagi dengan kehendak dan masa, akan diubahsuaikan lagi, bagi menjamin kelicinan dan meningkatkan lagi prestasi jentera pelaksanaan. Tiap-tiap Ketua Eksekutif, atau pun ketua Jabatan, adalah bertanggungjawab secara langsung bagi menghadapi cabaran-cabaran yang besar dan baru ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

23. Kongeres Ekonomi yang berlangsung selama tiga hari ini, telah membincangkan berbagai isu yang dihadapi oleh kaum Bumiputra. Rumusan dan resolusi yang disarankan, adalah dengan tujuan

25.

untuk melipatgandakan usaha kearah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, khasnya mengenai peranan masyarakat dan penyertaan Bumiputra di dalam

Rumusan dan resolusi yang dibuat, akan membantu Kerajaan, di dalam usahanya untuk menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Di atas segala sumbangan buah fikiran, keritik dan pandangan yang membina demi kepentingan negara, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kongeres ini.

... 26/-

26.

24. Dengan tujuan yang satu, dan persefahaman yang tulin, diantara Kerajaan dan ajensi-ajensinya, kegigihan usaha dan semangat Bumiputra, serta kerjasama kaum bukan Bumiputra, saya penuh yakin. menjelang tahun 1990, matlamat yang ditentukan akan mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

25. Dengan hasrat ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisytiharkan Kongeres Ekonomi Bumiputra tahun 1980 ini, ditutup dengan resminya, Wabillahi taufiq - walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.



No Siri	486
No Penerimaan	99/81